

Syak wasangka antara kaum perlu dikikis: PM

Abdullah bimbang perpaduan di negara ini semakin rapuh

BH-7/12/2006

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat Malaysia berbilang kaum menjadikan sambutan kemerdekaan negara ke-50 pada tahun depan sebagai landasan mengukuhkan semula perpaduan yang kini dilihat semakin rapuh.

Perdana Menteri berkata, perkara membabitkan perpaduan sangat penting kerana apa yang berlaku pada Perhimpunan Agung Umno lalu telah menunjukkan betapa rapuhnya perpaduan apabila ia membabitkan isu agama dan bangsa.

"Kita tidak dapat berpura-pura atau cuba menafikannya kerana ia bukan tidak berlaku di kalangan kaum lain sesama kita.

"Kita perlu memperkukuhkan kekuatan dalaman untuk memastikan perpaduan yang diperoleh benar-benar tulen dan kukuh," katanya berucap pada majlis pelancaran korporat Sambutan 50 Tahun Kemerdekaan anjuran Media Prima Bhd (Media Prima) di sini, malam tadi.

Hadir sama, Pengerusi Media Prima, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Abdul Rahman Ahmad; Ketua Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Ahmad Farid Ridzuan; Timbalan Pengerusi The New Straits Times Press (M) Bhd

“Kalau di luar saja elok dan di dalam tidak betul, ia tidak akan tahan lama kerana ia tidak mempunyai kekuatan dalaman”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

(NSTP), Datuk Kalimullah Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Syed Faisal Albar; dan Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishammuddin Aun.

Kira-kira 150 tokoh korporat hadir pada jamuan itu.

Perdana Menteri berkata, di awal kemerdekaan negara, hubungan antara kaum sememangnya kurang baik tetapi ia dapat diperbaiki dan menjadi bertambah kukuh.

"Bagaimanapun, sekarang ia semakin lama semakin renggang. Justeru, tidak guna kita simpan, wujud syak wasangka dan lebih baik untuk kita sama-sama mengatasinya.

Kalau perkara ini berjangkit, kita sama-sama ubati dan kalau ada yang kurang, sama-samalah kita tolong tambah dengan kekuatan yang kita bina," katanya.

Menceritakan pengalamannya, Abdullah berkata, ketika negara hendak menyambut kemerdekaan dulu, seluruh rakyat Malaysia berbilang kaum begitu bersatu dan kesatuan itu sepatutnya dapat diteruskan hari ini.

Beliau berkata, dalam merangka rancangan sambutan kemerdekaan, perlu diperbanyakkan pameran dan rancangan berbentuk sejarah bagi menyedarkan generasi muda supaya lebih menghargai sumbangan serta perjuangan generasi terdahulu.

Abdullah berkata, kumpulan Media Prima patut dipuji kerana bertindak sebagai penyedia platform kepada sektor swasta untuk terbabit sama dalam sambutan 50 tahun kemerdekaan negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Farid berkata, Media Prima mengambil inisiatif menganjurkan majlis itu kerana ia adalah rakan media utama dalam kempen menjelang sambutan besar-besaran perayaan Kemerdekaan negara ke-50 tahun depan.

"Ia sebahagian sumbangan kami untuk menghargai pembabitkan sektor swasta dalam merayakan 50 tahun kemerdekaan negara," katanya.